

---

## PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah s.w.t., Tuhan semesta alam yang menurunkan barakah dari sisiNya kepada mereka yang Ia sendiri menghendaknya. Limpahan selawat dan salam ke atas penghulu sekelian Nabi dan Rasul, Saiyyidina Muhammad s.a.w. yang menjadi bukti kewujudan barakah di dalam kehidupannya, juga ke atas keluarga dan para sahabat dan seluruh pengikutnya yang mempersaksikan dan menimba barakah dari sisinya.

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. yang telah melimpahkan rahmat dan memberikan nikmat yang tiada terhingga bagi kita sehingga dapat mendalami dan mengamalkan ilmu-ilmu Allah s.w.t. yang bilangannya terlalu luas sehinggakan tidak akan terjangkau cedokan dari lautan yang luas ini. Amatlah gementar jiwa ini jika kita meneliti ayat-ayat Ilahi yang menerangkan tentang kedaifan manusia menjalani kehidupan dunia, apatah lagi dalam harapan si insan menginjaki jalan-jalan menuju akhirat.

Allah s.w.t. berfirman di dalam Kitab SuciNya, Al-Quran Al-Karim :

*'Sebenarnya Kami melontarkan yang hak kepada yang batil, lalu yang hak itu menghancurkannya. Maka dengan serta merta yang batil itu lenyap.'*  
(Al-'Anbiya' :18)

Islam datang menghancurkan kebatilan kehidupan Jahiliyyah. Islam dengan keberkahan petunjuk Al-Quran dan keberkahan Nabi tercinta, Muhammad s.a.w. mewujudkan sistem kehidupan Ilahiyyah yang diperkenankan Pencipta segala sesuatu, Allah s.w.t. Sistem ini dimartabatkan serta dipelihara oleh Pencipta sendiri sehinggakan meratalah pengajarannya ke seluruh pelusuk alam sehinggakan mencakup kehidupan seluruh penciptaan.

Sistem Dinullah ini atau kesyumuluan hidup ini mengandungi kekayaan yang melimpah ruah bagi kesenangan mengamalkannya sehinggakan terlahirlah para ulama' dan umara' yang bertanggungjawab memikul amanah suci mengamalkan serta menganjurkan umat manusia ke arahnya.

Berbekalkan wahyu Ilahi serta peribadi Rasul Junjungan, dan karya ulama dan usaha umara, sistem ini berkembang hingga kini dianuti berjuta umat manusia khususnya, walaupun mereka dibezakan dengan bentuk dan suasana kehidupan. Antara aspek kekuatan pengembangan agama Ilahi ini, satu sudut penting ingin kami perbahaskan pada ketika ini bagi menimbulkan kefahaman

---

yang kukuh serta melenturkan kejahilan serta kesalahfahaman di dalam menginterpretasi amalan murni ini.

Yang kami maksudkan, adalah persoalan **Tabarruk** yang merupakan salah satu aspek ilmu dan pengamalan di dalam sistem kesyumulan hidup yang dinamai Islam yang dianuti para Muslimin sekalian dari dulu hingga kini.

Pada kali ini, perbicaraan kami akan berkisar pada persoalan Tabarruk atau Barakah, dari berbagai sudut dan pengertian supaya dapat diresapi dan difahami serta diamalkan seperti yang dianjurkan oleh Islam itu sendiri menurut Al-Quran, Sunnah serta pengamalan para solehin.

## **PENGERTIAN TABARRUK**

### **Dari Segi Bahasa**

**Tabarruk** berasal dari kekata bahasa Arab "*barakah*" atau "*barakat*" yang membawa banyak pengertian dalam segi bahasa. Antara pengertian kalimat "*barakah*" dalam istilah bahasa Arab ialah :

- **Az-Ziyadah & An-Numu** ertinya bertambah & menumbuh;
- **As-Sa'adah & Kathratul Khair** ertinya kebahagiaan & kebaikan yang melimpah;
- **Ad-Du'a** ertinya permohonan;
- **Al-Manfa'ah** ertinya bermanfaat;
- **Al-Baqa' & Ad-Dawam** ertinya kekal & berterusan;
- **At-Taqdis & At-Tanzih** ertinya sesuatu yang suci & sesuatu yang jauh dari kekurangan;
- **Al-Muwadzabah** ertinya konsisten;

### **Dari Segi Penggunaan**

Apabila "*barakah*" memberi pengertian seperti bertambah, kebaikan, dan kekekalan yang berterusan, maka ia bermaksud :

*'Adanya suatu kebajikan Tuhan yang diletakkan pada sesuatu.'*  
(*Tafsir Khazin*)

Maka Tabarruk pula bererti **seseorang memohon limpahan manfaat yang bertambah dan berterusan dari Allah s.w.t. dengan sesuatu yang suci dan jauh dari sifat kekurangan supaya mendapat kebahagiaan dan kebaikan yang melimpah di dalam kehidupan ini.**

---

Jika kita ingin memahami pengertian 'barakah' secara saintifik, Amatullah Armstrong di dalam karangannya yang bertajuk 'Kunci Memasuki Dunia Tasawuf', istilah 'barakah' diertikan sebagai :

**'Barakah adalah energi spiritual yang mengalir segala sesuatu, tetapi paling kuat dalam diri manusia. Semakin suci manusia, semakin besar pula aliran barakah. Memperkuat dan memperbesar barakah dapat dialami di tempat-tempat suci, dalam seni suci, dan dalam diri orang-orang yang disucikan, yang semua itu adalah tofani (suatu bentuk timbulnya kesucian secara lahiriah pada diri seorang manusia) dan mengungkapkan serta memanifestasikan Ketuhanan - di muka bumi ini.'**

### **DALIL-DALIL WUJUDNYA PENGGUNAAN ISTILAH BARAKAH DARI AL-QURAN DAN AS-SUNNAH**

Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran yang menggunakan istilah barakah, antaranya :

...

*'Dan Dia menciptakan di bumi itu gunung-gunung yang kokoh di atasnya. Dia memberkahinya....'*

**(Fusshilat : 10)**

...

*'Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hambaNya pada suatu malam dari Al-Masjidil Haram ke Al-Masjidil Aqsha yang telah Kami berkahi sekelilingnya....'*

**(Al-Isra' : 1)**

...

*'Maka tatkala dia tiba di(tempat) api itu, diserulah dia : "Bahawa telah **diberkati** orang-orang yang berada di dekat api itu, dan orang-orang yang berada di sekitarnya...'*

**(An-Naml : 8)**

---

*'Maha Suci Allah yang menjadikan di langit gugusan-gugusan bintang dan Dia menjadikan juga padanya matahari dan bulan yang bercahaya.'*  
**(Al-Furqaan : 61)**

*"Dan kalau penduduk negeri beriman dan bertaqwa kepada Tuhan, nescaya akan Kami bukakan untuk mereka **"barakah"** dari langit dan dari bumi."*  
**(Al-'Araf: 96)**

...

...

*'...(Itu adalah) rahmat Allah dan keberkatanNya, dicurahkan atas kamu, wahai ahlulbait!'*  
**(Huud : 73)**

*'Dan Al-Quran itu adalah Kitab yang Kami turunkan yang **diberkati**, maka ikutilah dia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.'*  
**(Al-An'aam : 155)**

.

*"Maka setelah Musa datang ke sana, terdengar ia dipanggil dari sebelah kanan lembah, tempat yang sudah diberi **"barakah"** dari pohon kayu : "Wahai Musa! Sesungguhnya Aku ini Allah, Tuhan semesta alam."*  
**(Al-Qasas: 30)**

.

*"Ya Allah, turunkanlah kepadaku ssesuatu yang diberkati dan sesungguhnya Engkau sebaik-baik yang menurunkan".* **(Al-Mukminun 29)**

*"Dan Kami turunkan dari langit air yang diberi **"barakah"** (yang banyak manfaatnya), lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pohon-pohon dan biji-biji tanaman yang diketam."* **(Qaaf:9)**

---

Nyatalah, di dalam Al-Quran Al-Karim, penggunaan istilah yang berdasarkan kekata 'barakah' digunakan dalam 9 bentuk seperti yang kami nyatakan di atas.

Di dalam As-Sunnah, lintasan istilah 'barakah' digunakan di berbagai ketika, baik yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w., mahupun yang dinyatakan para sahabatnya.

Di dalam Hadis Muslim disebutkan :

:

:

( ) .

*"Dari Abu Hurairah r.a. beliau berkata : Adalah orang Madinah apabila memetik hasil tumbuhan, maka petikan pertama itu dibawa kepada Rasulullah s.a.w. lalu Baginda berdoa: Ya Allah, berikah **keberkatan** pada buah-buahan kami, **berkatilah** Negara kami, berilah **keberkatan** pada sukatan kami dan **berkatilah** timbangan gantang kami."*

*(Hadis riwayat Muslim)*

Jelaslah sudah istilah '**barakah**' ini digunakan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah seperti yang tertera di atas. Maka, haruslah diyakini bahawa istilah '**barakah**' termasuk dalam istilah yang hidup di dalam Islam itu sendiri.

Dapat kita simpulkan, buat ketika ini, menurut cara istilah 'barakah' yang digunakan di dalam ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabawi, bahawa barakah mengandungi erti :

- Barakah itu adalah sesuatu kebaikan yang datang dari Allah s.w.t. dan diberikanNya kepada sesuatu atau sesiapa yang dikasihi dan disukainya;
- Barakah itu ada/wujud dan harus diyakini kewujudannya, sekalipun tidak dapat dilihat dengan mata;
- Barakah itu semata-mata datangnya dari Allah s.w.t., dan bukan selainNya.

---

## KATA-KATA ULAMA MENGENAI AMALAN TABARRUK

Al-Ustaz Dr. Hassan As-Syekh Al-Fatih As-Syekh Qaribullah, seorang ulama Sudan masa kini, mengatakan bahawa walaupun jika ada orang yang bertabarruk, yang mengikuti orang yang bertabarruk serta yang tidak melakukannya, amalan tabarruk tetap adalah sesuatu pengamalan yang ada dalam syara' kerana ianya diterangkan di dalam Al-Quran. Bahkan amalan ini dikuatkan adanya dengan wujudnya peninggalan-peninggalan serta benda-benda yang orang bertabarruk dengannya, tanpa mengira masa dan ketika, bagi keseluruhan umat Nabi Muhammad s.a.w.

Ianya diperkuatkan lagi dengan kenyataan yang terkandung di dalam hadis-hadis dalam bentuk kata-kata Nabi, perbuatan Nabi serta persetujuan Nabi untuk menguatkan apa yang tertera di dalam Al-Quran mengenai kewujudan serta pengamalan tabarruk ini.

Almarhum Prof. Dr. Hamka di dalam Tafsir Al-Azharnya membincangkan mengenai pengertian '*barakah*'. Beliau memecahkan barakah kepada dua macam iaitu yang *hakiki* dan yang *ma'nawi*. Yang *hakiki* ialah yang berupa hujan membawa kesuburan bumi. Ia juga boleh diertikan sebagai daya pembuka fikiran manusia untuk menggali harta dan kekayaan yang terpendam di dalam bumi seperti logam, emas dan lain-lain. '*Barakah*' juga boleh merupakan kekuatan urusan manusia mengatur kehidupan dunianya supaya mencapai penyuburan dari sudut ekonomi dan sebagainya.

Dari sudut *ma'nawi*, Prof. Dr. Hamka memahamkan '*barakah*' sebagai timbulnya fikiran-fikiran yang baru dan petunjuk dari Allah, baik berupa wahyu yang dibawa oleh Rasul atau ilham yang ditumpahkan Allah kepada orang-orang yang berjuang dengan ikhlas.

As-Syekh Muhammad 'Alwi Al-Maliki Al-Makki Al-Hasany, seorang ulama Mekah masa kini, di dalam kitabnya **Mafaahim Yajibu An Tusahhah** (Pemahaman-Pemahaman Yang Wajib Dibetulkan), menyifatkan perbuatan tabarruk sebagai jawaz (harus) serta disyariatkan. Amatlah keliru bagi mereka yang mengatakan bahawa amalan tabarruk ini sebagai bid'ah yang tidak pernah dilakukan Nabi s.a.w. serta para sahabatnya, apatah lagi mengatakan perbuatan tersebut sebagai syirik dan sesat.

Beliau menekankan bahawa pengamalan '*tabarruk*' dijalankan berdasarkan kepercayaan atas adanya keistimewaan, kemuliaan dan kelebihan pada amalan tersebut sehinggakan amalan yang suci ini dapat membawa kepada qurbah (kedekatan) kepada Allah s.w.t. Kekuatan kepercayaan ini

---

dilandaskan dengan iktiqad bahawa setiap kebaikan dan mudharat hanyalah datangnya dari Allah s.w.t.

Menurut As-Syekh Muhammad Alwi Al-Maliki, pengamalan ber**Tabarruk** ini boleh diadakan melalui 3 unsur :

1. **Peninggalan** - dinisbahkan kepada sesuatu yang mulia, dianggap mulia & dicintai manusia;
2. **Tempat** - zahirnya seperti tempat-tempat yang lain juga tetapi tempat itu menjadi bukti ibadah disebabkan pernah dikerjakan ibadah ditempat itu oleh para Nabi dan salihin. Tempat tersebut telah ditumpahkan rahmah, pernah dihadiri Malaikat, wujud Sakinah... Inilah yang dicari dari tempat-tempat ini.
3. **Individu** - penunjuk jalan barakah, hubungan yang hidup dengan yang mati.

Marilah kita menjelajahi jenis-jenis Tabarruk yang ada supaya dapat kita menelusuri lebih dalam tentang kewujudan pengamalan mengambil berkat atau 'barakah' ini.

## **JENIS-JENIS TABARRUK**

### **Pertama : Tabarruk Dengan Sesuatu Peninggalan Yang Mulia**

#### **1. Maqam Rasulullah s.a.w**

Dari Abdullah Bin Dinar r.a. beliau berkata : Aku telah melihat Ibnu Umar berdiri depan maqam Rasulullah s.a.w lalu berselawat dan memberi salam ke atas Baginda s.a.w, Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar.

#### **2. Hajar Al-Aswad**

Dari Abu Saeed, beliau berkata : "Aku berhaji bersama Umar r.a. Apabila memulai tawaf, dia menghadap batu Hajar Aswad lalu berkata :

*"Aku tahu engkau ini batu hitam yang tiada memberikan mudarat atau manfaat. Seandainya aku tidak melihat Rasulullah s.a.w. menciummu, maka aku tidak akan menciummu. Lalu dia menciumnya."*

---

### 3. **Baitullah (Ka'bah)**

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali 'Imran ayat 96 menerangkan tentang RumahNya yang sentiasa diberkati.

*"Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangun untuk (tempat beribadat) manusia ialah Baitullah yang berada di Bakkah (Makkah) yang **diberkati** dan menjadi petunjuk bagi semua manusia."*

### 4. **Maqam Nabi Ibrahim a.s.**

Allah s.w.t memerintah agar dijadikan tempat yang pernah beradanya Nabi Ibrahim a.s. ketika mendirikan Baitullah sebagai musalla (tempat mendirikan solat) dan menyifatkan juga maqamnya sebagai salah satu tanda-tanda Allah s.w.t. yang nyata di Baitullah. Firman Allah s.w.t. dalam *Surah Al-Baqarah ayat 125* :

*"Dan ingatlah, ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul bagi manusia dan suatu tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian dari maqam Ibrahim itu tempat solat."*

*"Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata di antaranya Maqam Ibrahim. Barangsiapa memasukinya (Baitullah) akan amanlah dia."  
(Ali Imran : 97)*

### 5. **Air Zamzam**

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dalam sebuah hadisnya yang menerangkan tentang fadhilat air zamzam walaupun pada zahirnya ia sama sahaja seperti air-air yang lain. Sabda Rasulullah s.a.w. :

*"Air zamzam itu menyampaikan segala hajat apabila diminumnya."*



---

## Kedua : Tabarruk Dengan Tempat Ibadah

Tabarruk dengan tempat ibadah yaitu mengambil keberkahan dan fadhilat melaksanakan ibadah di masjid atau tempat-tempat suci sebagaimana dianjurkan oleh Allah dan RasulNya seperti bersolat di Masjidil Haram, Masjid Rasulullah s.a.w., Masjidil Aqsa dan juga di masjid-masjid yang pernah Rasulullah s.a.w. mendirikan solat. Seperti contoh kata Rasulullah s.a.w. :

.

*“Aku adalah penutup sekalian para Nabi, dan Masjidku adalah penutup sekalian masjid-masjid para Nabi. Dan Masjid yang paling berhak diziarahi dan dikuatkan perjalanan kepadanya ialah Masjidil Haram dan Masjidku. Dan solat di Masjidku lebih baik dari seribu solat dari tempat yang lain kecuali Masjidil Haram.”*

.

(            ) .

*“Dari Ibnu Umar r.a. sesungguhnya Nabi s.a.w. datang ke masjid Quba pada setiap hari Sabtu berkenderaan atau berjalan kaki. Adalah Abdullah r.a. pun melaksanakannya.” (Riwayat Al-Bukhari).*

:

.

*“Bersabda Rasulullah s.a.w. : Telah mendirikan solat di Masjid Khaif sebanyak tujuh puluh para nabi-nabi termasuk Musa a.s.”*

Di antara contoh tabarruk di suatu tempat yang mulia ialah bertabarruk di tempat yang pernah berada padanya para nabi-nabi, rasul-rasul dan juga para wali-wali Allah. Rasulullah s.a.w. sendiri bertabarruk dengan mengerjakan solat di beberapa tempat lahirnya para nabi-nabi sebelum

---

Baginda dan juga di tempat-tempat yang pernah didiami oleh para nabi dan rasul sebelum Baginda s.a.w.

Telah disebutkan dalam sebahagian hadis-hadis yang menceritakan peristiwa Isra' dan Mi'raj:

“Diriwayatkan ketika Rasulullah s.a.w. dimikrajkan dengan menaiki Buraq serta ditemani oleh Jibril Al-Amin a.s. , mereka berjalan sehingga tiba di suatu tempat lalu Baginda s.a.w. disuruh berhenti dan menunaikan solat . Setelah selesai solat dan meneruskan perjalanannya, Jibril bertanya : “Tahukah di mana engkau telah bersolat. Baginda s.a.w. menjawab: “Tidak”. Berkata Jibril : “Engkau telah solat di Tayyibah yang akan menjadi tempat hijrahmu ”. Maka seterusnya Buraq berhenti di suatu tempat dan Nabi s.a.w. pun disuruh turun dan solat. Setelah beliau bersolat, Jibril pun bertanya : “Tahukah di mana telah engkau solat?”. Nabi s.a.w. menjawab : “Tidak”. Jibril menjawab : “Engkau telah solat di Thuur Sina di sisi pohon di mana Allah s.w.t. berkata-kata dengan Musa a.s. Kemudian perjalanan diteruskan dan sekali lagi Buraq berhenti dan Rasulullah s.a.w. disuruh turun dan solat. Kemudian Nabi s.a.w. pun ditanya tentang tempat itu dan menyatakan bahawa baginda tidak tahu. Jibril pun mengatakan : “Sesungguhnya engkau telah bersolat di Baitullaham, tempat kelahirannya Isa Bin Maryam a.s.

### **Ketiga : Bertabarruk Dengan Ayat-ayat Al-Quran**

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa Al-Quran merupakan mukjizat Rasulullah s.a.w. yang terbesar dan juga menjadi penawar bagi sekalian penyakit. Telah menjadi pengamalan umat Islam bertabarruk dengan ayat-ayat Al-Quran bagi mengharapkan limpahan barakah yang ada pada ayat-ayat tersebut. Sebagaimana juga Rasulullah s.a.w. menggalakkan bacaan beberapa surah-surah tertentu dari Al-Quran pada keadaan-keadaan tertentu. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Isra' ayat 82 :

*“Dan Kami turunkan dari Al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian.”*

---

) .

(

*“Dari Aishah r.a. beliau berkata sesungguhnya Rasulullah s.a.w. apabila sakit, baginda membaca surah-surah Muawwidzat pada dirinya dan meniup. Maka apabila sakitnya itu bertambah, maka saya yang membacakannya dan saya usapkan pada tangan baginda dengan mengharapkan **barakah** dari muawwidzat itu.”*

*“Yaasiin adalah hati Al-Quran. Tidaklah dibaca oleh seorang yang menginginkan Allah dan hari akhirat kecuali diberi keampunan. Maka bacalah kamu ke atas mayat-mayat kamu sekelian.”*

#### **Keempat : Bertabarruk Dengan Nama-Nama Rasulullah s.a.w.**

Nabi Muhammad s.a.w. adalah sebaik-baik dan semulia-mulia manusia, makhluk ciptaan Allah s.w.t. di muka bumi ini. Segala sesuatu yang datang dari baginda atau yang ada pada diri beliau kesemuanya sangat mulia dan membawa barakah kepada ummah Muhammadiyyah. Ini termasuk juga namanya sendiri dan juga nama-namanya yang lain yang dinamakan oleh Allah s.w.t. dalam Al-Quran seperti Ahmad, Abdullah, Basheer, Nazeer, Mubeen, Muzakkir dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Jin ayat 19:

*“Dan bahawasanya tatkala hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembahNya (beribadah), hampir saja jin-jin itu berdesak-desak mengerumuninya.”*

Dalam Surah Al-Ghasyiyah, ayat 21, Allah s.w.t. berfirman :

*“Maka berilah peringatan, kerana sesungguhnya kamu hanyalah orang yang memberi peringatan”.*

---

Dalam Surah Al-Ankabut ayat 50 pula, Allah s.w.t. berfirman :

*“Katakanlah : “Sesungguhnya tanda-tanda (mukjizat) itu terserah kepada Allah s.w.t. dan sesungguhnya aku hanya seorang yang pemberi peringatan yang nyata.”*

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda :

*“Aku Muhammad dan aku Ahmad dan Aku ini Penyelamat yang diselamatkan Allah s.w.t. dari kekufuran, dan aku ini pembangkit yang mana manusia akan bangkit atas kedua kakiku dan aku ini Pembalas dan tiada nabi setelahku.”*

### ***Cerita Bilal Bin Abi Rabbah Bertabarruk Dengan Nama Rasulullah s.a.w.***

Telah diriwayatkan bahawasanya Bilal r.a. apabila pulang dari Syam ke Madinah setelah wafatnya Rasulullah s.a.w, telah diminta untuk berazan sebagaimana beliau berazan pada zaman Rasulullah s.a.w.

Dari itu, berkumpul ahli Madinah, lelaki dan wanita, dewasa dan kanak-kanak untuk mendengar azannya Bilal. Maka apabila beliau mengatakan *“Allahu Akbar Allahu Akbar”* orang ramai tiba-tiba menjerit dan menangis. Seterusnya apabila beliau mengatakan *“Asyhadu an Laa Ilaha Illallah”*, semua manusia rasa terharu. Apabila beliau mengatakan *“Asyhadu anna Muhammadar Rasulullah s.a.w.”*, sekalian penduduk Madinah menangis dan meraung. Begitu juga keluar sekalian orang-orang yang lemah dan tua serta anak-anak dara lalu meraung dan menangis, sehingga dirasakan seolah-olah hari wafatnya Baginda Rasulullah s.a.w.

Demikianlah tabarruknya Bilal dengan namanya Rasulullah s.a.w., sehingga dapat mengembalikan para penduduk Madinah pada zaman seolah-olah Rasulullah s.a.w. ada bersama mereka.

### **Kelima : Bertabarruk Dengan Mencium Tangan**

Mencium tangan merupakan suatu pengamalan yang menzahirkan rasa penghormatan dan kasih sayang. Jika diteliti pada hakikat dan kembali kepada sunnah dan athar para sahabat, akan kita dapati bahawa mencium tangan para ulama, orang-orang saleh dan kedua ibu bapa adalah sesuatu yang disyariatkan dan juga sebagai bertabarruk dengan kemuliaan yang ada pada mereka justeru menambahkan lagi rasa penghormatan dan mahabbah terhadap mereka.

---

:

.

:

:

...

.

*“Seorang Yahudi berkata kepada temannya : “Mari kita pergi kepada Nabi itu.” Lalu mereka datang kepada Rasulullah s.a.w. dan bertanya tentang sembilan ayat yang nyata, dan seterusnya sampai dikatakan : Lalu keduanya mencium tangan dan kaki Rasulullah s.a.w. seraya berkata : “Kami bersaksi bahawa engkau adalah Nabi Allah.” (Riwayat Imam Ahmad dan At-Tarmizi)*

Dari Abu Daud dari Aishah r.a. beliau berkata :

.

*“Sesungguhnya Fatimah r.a. apabila Rasulullah s.a.w. datang ke rumahnya, beliau berdiri, menyambut tangannya dan menciumnya.”*

Dikeluarkan oleh Al-Hakim dan dibenarkan di dalam Mustadrak dari Buraidah :

*“Sesungguhnya seseorang datang kepada Nabi s.a.w. lalu mencium kepala dan kakinya.*

### ***Kesimpulan***

Sekiranya ada di antara para sahabat yang mencium kaki dan tangan Rasulullah s.a.w dalam suatu keadaan, maka ini merupakan dalil yang mantap tentang harusnya mencium tangan orang alim, orang yang dihormati, orang-orang saleh dan wali-wali Allah dan mecium kakinya.

Sebab hal itu terjadi pada Rasulullah s.a.w., yang mana di dalam dirinya terkumpul segala kebaikan yang murni, manaqib yang terpuji dari ilmu ladunni, dan paling tinggi kedudukannya dalam amanah dan kemuliaan

---

nasabnya. Tiada yang menyamainya dalam salah satu perbuatan dan tandatandanya yang khusus.

### *Keenam : Bertabarruk Dengan Bertahnik*

Di antara amalan dan perbuatan yang amat dianjurkan dalam Islam ialah Tahnik iaitu meletakkan manis-manisan di mulut bayi yang baru dilahirkan seperti kurma dan mendokannya.

Pada zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat apabila ada bayi mereka yang lahir pada waktu Rasulullah s.a.w. berada di Madinah, mereka akan membawa si bayi itu kepada baginda Rasulullah s.a.w. dan kemudian Baginda menyuap bayi itu dengan kurma, menyisir rambut kepalanya dengan tangannya yang suci dan mendoakannya. Mereka memandang hal itu sebagai hal yang penuh **barakah** dan berbangga dengannya. Ibnu Hajr Al-Asqalani berkata :

*“Sesungguhnya setiap bayi yang lahir pada masa hidup Rasulullah s.a.w. selalu diketahui olehnya, sebab setiap orang Ansar selalu membawa anak-anaknya kepada Nabi s.a.w. untuk ditahnik dan diberkahi.”*

### *Keterangan*

Para ahli sunnah mengutip bahawa ketika Rasulullah s.a.w. menguasai Makkah, orang-orang Makkah selalu datang dengan membawa anak dan bayi-bayi mereka agar kepalanya diusap dengan tangannya yang mulia dan didoakan dengan keberkatan.

Tidak diragukan lagi bahawa Rasulullah s.a.w., makhluk pilihan yang paling sempurna, paling mulia, bahkan paling utama di antara para nabi dan mursalin telah menetapkan wujud sebutan yang paling masyhur dan paling jelas **keberkatannya**.

Sesungguhnya beliau lebih utama dan lebih layak **barakahnya**. Hal ini telah disaksikan oleh banyak sahabatnya dan telah mengambil **barakah** darinya dan dari peninggalannya, serta memberi perhatian dan menitikberatkan akan perkara ini. Padahal, mereka adalah ahli hidayah yang mendapat petunjuk dan suri tauladan orang-orang yang soleh.

---

## TABARRUK PARA NABI-NABI SEBELUM RASULULLAH S.A.W.

### Pertama : Nabi Adam a.s.

Nabi Adam a.s. pernah bertabarruk dengan nama Nabi Muhammad s.a.w. ketika memohon keampunan dari Allah s.w.t. dari kesalahannya. Dari Sayyidina Umar r.a. katanya Rasulullah s.a.w. bersabda :

:

:

:

:

*“Tatkala Adam a.s. melakukan kesalahan, dia bertaubat dan berkata: “Wahai Tuhanku, aku memohon dengan hak Muhammad agar Engkau mengampuniku”. Maka Allah bertanya: “Hai Adam, bagaimana engkau mengenali Muhammad sedangkan dia belum aku ciptakan?” Adam menjawab: “Wahai Tuhanku, Setelah Engkau menciptakan aku, aku mendongak memandang tiang-tiang arasy di mana tertulis Tiada Tuhan melainkan Allah Muhammad itu pesuruh Allah. Maka aku tahu bahawa Engkau tidak akan menyertakan namaMu kecuali dengan nama orang yang paling Engkau kasihi.” Allah menjawab: “Engkau benar wahai Adam, dia adalah makhluk yang paling Aku kasihi. Sekiranya engkau meminta kepadaKu dengan haknya, engkau Ku ampuni. Kalau tidak kerana Muhammad, tidaklah Aku menciptakanmu.”*

### Kedua : Nabi Yusuf a.s.

Sesungguhnya Nabi Yusuf a.s. pernah melaksanakan amalan bertabarruk ini dengan baju yang pernah dipakainya, guna menyembuhkan penglihatan ayahnya, Nabi Ya’kub a.s. Firman Allah s.w.t. menceritakan tentang peristiwa ini dalam Surah Yusuf 93 dan 96 :

---

*“Pergilah kamu dengan membawa bajuku ini, lalu letakkanlah dia ke wajah ayahku, nanti ia akan melihat kembali, dan bawalah keluargamu semuanya kepadaku.”*

*“Tatkala telah tiba pembawa khabar gembira itu, maka diletakkannya baju itu ke wajah Ya’kub, lalu kembalilah dia dapat melihat. Berkata Ya’kub: “Tidakkah aku katakan kepadamu, bahawa aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya.”*

### **Ketiga : Nabi Zakaria a.s.**

Begitu juga Nabi Zakaria a.s. pernah bertabarruk dan berdoa di tempat ibadatnya Siti Maryam. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali ‘Imran ayat 39 :

*“Kemudian malaikat Jibril memanggil Zakaria, sedang ia berdiri melakukan solat di mihrab. Katanya: Sesungguhnya Allah menggembirakan kamu dengan kelahiran seorang puteramu Yahya yang membenarkan kalimat yang datang dari Allah, menjadi ikutan, menahan diri dari hawa nafsu dan seorang Nabi termasuk keturunan orang-orang saleh.”*

### **BERTABARRUK DENGAN PERIBADI RASULULLAH S.A.W.**

Barangsiapa membaca tentang kehidupan para sahabat Rasulullah s.a.w. dan tabi’in, nescaya akan mengetahui bahawa mereka mengambil berkat dari air wuduk Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang tidak mendapatkannya akan merasa kerugian, melainkan mengambil dari kawan-kawannya yang basah dan apa sahaja yang boleh diambil dari tubuhnya. Berkat tersebut boleh diambil dari air liurnya, rambutnya ataupun keringatnya.

Telah dibenarkan dari Urwah bin Mas’ud Ath-Thaqafi di dalam riwayat Al-Bukhari dan lain-lain, bahawa dia berkata benar ketika menasihati orang-



---

orang Quraisy sewaktu menjadi utusan mereka kepada Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa perdamaian Hudaibiyah :

*'Wahai kaumku, demi Allah aku pernah menjadi utusan untuk menghadap Kaisar, Kisra dan Najasyi. Maka aku tidak pernah melihat seseorang yang mengagungkan orang lain sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat Muhammad kepada Muhammad. Dia tidak pernah tertawa sehingga mengeluarkan air liur, kecuali mereka berebut untuk menadahnya di tangan mereka, kemudian disapukan pada wajah atau kulit mereka. Dan tidak ada sisa-sisa air wudhuknya, kecuali mereka berebut untuk mengambilnya, demi mengharapkan berkat darinya.'*

**Pertama : Bertabarruk Dengan Air Wudhu Rasulullah s.a.w.**

Al-Bukhari meriwayatkan dengan sanad dari Jabir Radiallahu'anhu. Katanya :

:

.

*'Rasulullah s.a.w telah datang mengunjungiku, sedangkan waktu itu aku kehilangan ingatanku. Kemudian Baginda berwuduk dan dari air wuduknya aku sembuh. Aku bertanya : 'Wahai Rasulullah, untuk siapakah harta warisan itu?' Baginda menjawab : 'Sesungguhnya yang mewarisi aku adalah Kalalah.' Maka turunlah ayat faraidh.'*

Imam Al-Bukhari meriwayatkan di dalam Sahihnya dengan sanad Jabir bin Abdullah Radiallahu'anhu. katanya :

:

.

---

*'Aku menyertai Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam sampai waktu 'Asar sementara kami tidak mempunyai air kecuali satu gelas sahaja. Maka air itu dituang ke dalam timba, kemudian Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam datang dan memasukkan tangan ke dalamnya. Beliau membuka jari-jarinya seraya berkata : 'Ayuh! Berwuduklah, dan barakah dari Allah Subhanahu wa Ta'ala,' aku melihat air mengalir dari jari-jarinya. Orang-orang pun berwuduk dan minum. Aku tidak pernah haus selepas itu, maka dari itu, aku tahu bahawa ia benar-benar barakah.'*

## **Kedua : Bertabarruk Dengan Rambut Rasulullah s.a.w**

Imam Muslim meriwayatkan :

( )

*"Dari Anas Bin Malik, bahawasanya Rasulullah s.a.w. sampai di Mina, kemudian melontar jamrah dan seterusnya ke rumahnya dan menyembelih qurban. Kemudian baginda memerintahkan tukang cukur supaya mencukur rambut di kepala baginda, bermula di sebelah kanan dan kemudian di sebelah kiri. Kemudian baginda membahagikan rambut yang sudah dicukur itu kepada orang-orang."*

**(Hadis Riwayat Muslim)**

Jika tersebut di dalam kitab Kashful Mahjub tentang kisah seorang wali yang bernama Abul Abbas Qasim. Beliau merupakan seorang yang berasal dari sebuah keluarga terkenal di Merv, Turkemenistan dan mempunyai banyak harta. Tetapi kisahnya berkisar pada perbuatannya menyerahkan kesemua hartanya supaya dapat beliau memiliki dua helai rambut Rasulullah s.a.w. Disebabkan pengorbanan ini, beliau dibukakan pintu kerohanian yang besar kepadanya melalui perguruannya dengan Abu Bakar Wasiti dan menjadikannya imam para wali-wali Allah.

Abul Abbas Qasim meninggalkan wasiat sebelum meninggalnya iaitu selepas kematiannya hendaklah rambut Rasulullah s.a.w. tersebut diletakkan di dalam mulutnya. Disebabkan keberkahan rambut Rasulullah s.a.w. inilah, menurut As-Sheikh Ali Uthman Al-Hujweri, bahawa barangsiapa menziarahi kuburnya dan meminta kepada Allah s.w.t. sesuatu akan dikabulkan doanya oleh Allah s.w.t.

---

Di antara tabarruk para sahabat dengan rambutnya Rasulullah s.a.w. ialah suatu peristiwa di mana Khalid Bin Al-Walid dalam peperangan Al-Yamamah menyimpan rambut Rasulullah s.a.w. dalam topinya ketika berada dalam medan peperangan dan bertabarruk dengannya.

Maka apabila topinya itu terjatuh ketika bertempur dengan musuh, Khalid Bin Al-Walid dengan segera mendapatkan topinya dahulu tanpa mempedulikan keadaan yang sungguh bahaya. Kemudian, apabila ditanya oleh para sahabat yang lain tentang perbuatannya itu beliau menjawab : “Aku bukanlah cuba mendapatkan topiku itu, bahkan aku tidak mahu topiku yang ada padanya rambut Rasulullah s.a.w. jatuh ke tangan orang-orang Musyrikin”.

**Ketiga : Bertabarruk Dengan Pakaian Rasulullah s.a.w.**

:

( ) .

*“Dari Asma’ r.a. beliau berkata : Adalah jubah ini dahulunya ditangan Aishah r.a., tetapi setelah beliau wafat, maka jubah itu saya menyimpannya. Sesungguhnya Nabi s.a.w. dahulu memakai jubah ini. Kami (sahabat-sahabat Nabi) mencucinya untuk dijadikan ubat bagi orang yang sakit.”*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

**Keempat : Bertabarruk Dengan Air Kencing Rasulullah s.a.w.**

:

:

---

Dikeluarkan dari Al-Hassan Bin Sufyan dalam musnadnya, dan Abu Ya'la dan Al-Hakim dan Dar Al-Qutni dan Abu Na'im dari Ummu Aiman beliau berkata : " Telah bangkit Rasulullah s.a.w. pada suatu malam lalu membuang air kecil ke dalam satu bekas di hujung rumahnya. Maka aku pun bangun dari tidur dan merasa dahaga lalu aku pun meminum apa yang ada di bekas tersebut. Keesokan harinya, aku memberitahu Rasulullah s.a.w. apa yang telah terjadi lalu Baginda pun tertawa dan berkata: "Sesungguhnya engkau tidak akan mengadu kesakitan perut lagi setelah hari ini buat selama-lamanya."

**Kelima : Bertabarruk Dengan Darah Rasulullah s.a.w.**

Telah dikeluarkan oleh Al-Bazzar dan Abu Ya'la dan At-Tabrani dan Al-Hakim Al-Baihaqi dari Abdullah Bin Az-Zubair sesungguhnya dia mendatangi Rasulullah s.a.w dan ketika itu baginda sedang berbekam. Apabila selesai berbekam, Baginda berkata : Wahai Abdullah, pergilah kamu dengan darah ini dan buanglah di suatu tempat yang tidak dilihat orang. Abdullah pun pergi lalu meminumnya. Apabila pulang, Rasulullah s.a.w. bertanya : "Wahai Abdullah, apa yang telah engkau lakukan? Abdullah menjawab: Aku telah membawanya ke suatu tempat yang sunyi yang aku tahu dan jauh dari kehadiran orang ramai." Rasulullah s.a.w. berkata "Mudah-mudahan engkau meminumnya". Aku berkata : "Bahkan". Rasulullah s.a.w. pun berkata : "Celakalah bagi manusia yang ingin menentangmu dan terselamatlah kamu dari kecelakaan manusia". Maka jelaslah kekuatan yang ada Abdullah Bin Az-Zubair berkat dari meminum darahnya Rasulullah s.a.w.

Al-Qadhi Iyadh di dalam kitabnya Asy-Syifa' menyebut bahawa Malik bin Sinan menghisap darah Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam pada hari Uhud. Maka Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

*'Dia tidak akan disentuh oleh api neraka.'*

---

Abdullah bin Zubair minum darah bekam Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan perbuatannya itu tidak ditolak oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

### **Keenam : Bertabarruk Dengan Air Peluh Rasulullah s.a.w.**

: . : .  
: .

*Dalam Sahih Muslim diriwayatkan bahwa Rasulullah s.a.w. mendapati Ummu Sulaim mengumpul peluhnya Rasulullah s.a.w. yang mulia pada suatu bekas ketika baginda s.a.w. tidur di atas sebuah permaidani di rumahnya. Maka apabila Baginda s.a.w. bangun dari tidurnya, beliau berkata : "Apa yang telah engkau lakukan ini, wahai Ummu Sulaim?". Beliau berkata : 'Wahai Rasulullah, kami mengumpulnya mengharapkan barakah untuk anak-anak kami". Lalu baginda s.a.w. berkata : "Bahkan engkau benar".*

Maka dari hadis-hadis yang tersebut, dapat diambil kesimpulan bahwa Islam mengharuskan :

- mendatangi sesuatu tempat yang baik dan yang dianggap suci.
- membawa atau menyimpan barang-barang yang dianggap suci.
- memakai sesuatu yang dianggap suci.
- membaca sesuatu ayat dari Al-Quran sebagai alat penyembuh.
- berubat dengan sesuatu yang dianggap suci.

### **TABARRUK DENGAN ORANG-ORANG SOLEH**

Dari Abdullah bin Umar r.a., dia berkata: 'Ketika kami sedang duduk-duduk di sisi Nabi s.a.w., tiba-tiba diberikan beberapa potong buah pohon kurma. Nabi s.a.w. kemudian bersabda:

'Sesungguhnya ada sebuah pohon yang mengandung barakah seperti barakahnya seorang Muslim.'... Selanjutnya Nabi s.a.w. sendiri bersabda: 'Pohon itu ialah pohon kurma.' (Sahih Bukhari, Buku 7, Hadis 355)

---

Hadis ini jelas menunjukkan kewujudan barakah pada sebuah pokok iaitu pohon kurma yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Malahan yang lebih penting dari maksud hadis ini dapatlah kita simpulkan tentang adanya 'barakah' pada setiap manusia yang dinamakan Muslim.

Maka berlandaskan pengertian 'barakah' yang berada pada tiap yang suci seperti orang-orang yang menyembahkan diri kepada Allah, maka tentu sekalilah para solehin serta wali-wali Allah mempunyai barakah mereka sendiri. Ini disebabkan kesucian martabat mereka serta perjuangan mereka memartabatkan Islam di bumi ini.

### **Pertama : Kisah As-Syeikh Habib Al-'Ajami dan Hassan Al-Basri**

Di dalam Kitab Kashful Mahjub karangan As-Sheikh Syed Ali Bin Uthman Al-Hujwari dikisahkan beberapa kisah mengenai cerita barakah para wali ini. Tersebut di dalam kisah antara seorang wali agung yang bernama As-Sheikh Habib 'Ajami dengan seorang Sufi besar, As-Sheikh Hasan Basri. Apabila As-Sheikh Hasan Basri sedang melarikan diri dari kejahatan pemerintahan Hujjaj bin Yusuf, beliau bersembunyi di pondok Habib 'Ajami. Sedang beliau bersembunyi itu, para pegawai kerajaan datang untuk menangkap beliau. Apabila pegawai-pegawai itu menanyakan Habib tentang di mana Hasan berada, Habib 'Ajami menjawab : 'Dia berada di dalam pondok ini.' Mereka pun memasuki pondok untuk menangkap Hasan Basri tetapi tidak menemukannya. Mereka menyangka Habib bergurau dengan mereka maka mereka menyوالnya lagi. Habib dengan serius mengatakan : 'Aku tidak berbohong. Dia berada di dalam pondok ini.'

Lalu mereka menggeledah pondok tersebut sebanyak dua kali, namun tidak menemuinya sehinggakan mereka pun meninggalkan pondok itu.

Hasan Basri pun keluar kemudiannya dan berkata : 'Aku amat yakin bahawa **disebabkan keberkahan** dikau, mereka tidak dapat melihatku. Mengapakah dikau mengatakan aku ada di dalam pondok ini?' Habib 'Ajami berkata : 'Tuan, ia bukanlah disebabkan keberkahanku tetapi adalah disebabkan keberkahan bercakap benar yang menyebabkan dikau terselamat. Jika aku berbohong, mereka akan menangkap kedua-dua kita dan akan memalukan kita.'

Menurut As-Sheikh Ali Uthman Al-Hujwari, penerusan risalah kerasulan dan perjuangan kenabian diteruskan oleh Allah s.w.t. melalui orang-orang pilihanNya iaitu para Wali-Wali Allah. Mereka adalah pesuruh-pesuruh Allah di muka bumi ini setelah tamatnya kedatangan para nabi dan rasul. Dan mereka

---

bersungguh-sungguh tanpa menuruti sedikit pun kehendak nafsu rendah mereka menjalankan tugas Allah s.w.t. di atas muka bumi ini.

Maka menurut beliau, melalui barakah kerohanian merekalah, iaitu para wali-wali Allah ini, Allah s.w.t. menurunkan hujan dari langit, menumbuhkan kehidupan di darat dan memberikan kemenangan kepada para Muslimin di dunia ini.

### **Kedua : Kisah Muawiyah Bin Abi Sufyan**

Telah diriwayatkan oleh Ibnu Sa'ad dari Sulaim Bin Amir Al-Khaibari sesungguhnya pada suatu ketika langit tidak menurunkan hujan. Maka keluar Muawiyah Bin Abi Sufyan r.a. dan penduduk Damsyik menunaikan Solat Istisqa'. Apabila Muawiyah berada di atas mimbar beliau bertanya : "Di mana Ibnu Aswad Al-Jurasyi? Lalu Ibnu Aswad pun dipanggil dan kemudian muncul di depan Muawiyah. Beliau kemudian disuruh menaiki mimbar dan kemudian beliau duduk disisi kaki Muawiyah. Lalu berkata Muawiyah : Ya Allah, sesungguhnya kami memohon pertolongan padamu pada hari ini dengan berkat orang yang paling baik dan mulia di antara kami. Ya Allah sesungguhnya kami memohon pertolongan kepadamu dengan berkatnya Yazid Bin Al-Aswad Al-Jurasyhi. Wahai Yazid, angkatlah kedua tanganmu kepada Allah s.w.t. Lalu beliau pun mengangkat kedua tangannya dan begitu juga semua yang hadir. Kemudian jelas awan kehitaman dan angin pun tiup kencang. Akhirnya hujan pun turun dengan lebatnya dan sehinggakan orang ramai tidak dapat pulang ke rumah masing-masing.

### **Kesimpulan**

- 1 Barakah itu adalah kebaikan daripada Allah s.w.t. yang diletakkan kepada beberapa perkara yang sangat penting. Di sanalah terdapatnya banyak rahmat Allah s.w.t. yang perlu kepada orang-orang mukmin mencari sebanyak-banyaknya.
- 2 Dari ayat-ayat dan hadis-hadis yang telah disebut, dapat difahami bahawa barakah itu berada pada Allah s.w.t. sendiri, kemudian diturunkan kepada Al-Quran, kepada benda dan makanan yang halal di makan, pada air yang diturunkan dari langit, pada bukit dan gunung-ganang, pada buah-buahan dan sebagainya.
- 3 Manusia yang diberkati Allah ialah manusia yang hidupnya selalu membawa manfaat kepada manusia, menjadi orang yang soleh, berakhlak mulia dan menyenangkan akan manusia yang lain.

- 
- 4 Tempat yang diberkati Allah ialah tempat yang aman, hati penduduknya selalu dalam ketenangan, bebas dari ketakutan, kemelaratan, subur dan makmur.
  - 5 Makanan dan minuman yang diberkati Allah ialah makanan yang dimakan walaupun sedikit sudah merasa puas dan nikmat.
  - 6 Harta yang diberkati Allah ialah harta yang menjadikan seseorang itu tenang, aman, bahagia walaupun sedikit, juga membawa kebahagiaan kepada diri dan keluarga.
  - 7 Ilmu yang diberkati Allah ialah ilmu yang berfaedah untuk dunia dan akhirat dan dimanfaatkan oleh dirinya dan orang lain dan juga diamankan.

#### KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN TABARRUK DALAM KEHIDUPAN

Selepas memahami bahawa berTabarruk adalah permohonan kepada Allah s.w.t. dengan perantaraan peninggalan, tempat mahupun individu yang suci itu supaya seseorang itu beroleh kebaikan dan kebahagiaan di dunia ini, maka perlu kita selidiki keperluan serta kepentingan amalan ini di dalam membentuk kehidupan moden kita ini.

Allah s.w.t. berfirman :

.

*“Dan kalau penduduk negeri beriman dan bertaqwa kepada Tuhan, nescaya akan Kami bukakan untuk mereka **“barakah”** dari langit dan dari bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.”*  
**(Al-‘Araf: 96)**

Dari ayat Allah s.w.t. ini, jelaslah kepada kita bahwa pembukaan pintu barakah dari pelusuk langit dan bumi merupakan ‘hadiah’ dari Allah s.w.t. kepada manusia atas dasar keimanan dan ketaqwaan mereka.

Maka pembukaan pintu ‘barakah’ merupakan kasih sayang Allah s.w.t. serta mengelakkan manusia dari terkena siksaan Allah s.w.t. Dari ayat ini



---

jelaslah juga bahawa iman dan taqwa yang merupakan inti Islam itu sendiri berkait rapat dengan 'barakah'. Sedangkan tanpa iman dan taqwa, barakah tidak dihulurkan, malahan ianya digantikan dengan siksaan.

## **PENGHAYATAN TABARRUK MEMBENTUK AKHLAKUL KARIMAH**

Bagaimana pula amalan Tabarruk ini dapat dikaitkan dengan pembentukan Akhlakul Karimah iaitu budi pekerti yang mulia seperti yang dipertontonkan Rasulullah s.a.w.?

Di dalam memahami isu Tabarruk dan Barakah ini, perkara tersirat yang meyebabkan wujudnya pengamalan ini, janganlah diabaikan. Yang kami maksudkan dengan perkara yang tersirat ini adalah 'cinta'. 'Cinta' merupakan nadi terjadinya barakah serta merupakan esensi segala pengamalan Tabarruk.

Contoh-contoh yang telah dipaparkan di atas membuktikan perbuatan menghidupkan barakah oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu sendiri. Firman Allah s.w.t. :

*'Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.'*

**(Al-Ahzaab : 21)**

Kesucian Nabi s.a.w. tidak dapat dipersoalkan lagi. Beliau adalah suri teladan yang sempurna. Beliau telah diampunkan dosanya, jika ada, sebelum beliau melakukannya. Sedangkan ketinggian dirinya disisi Allah s.w.t. terbukti dengan terkatnya nama beliau dengan nama Tuhannya pada Kalimah Syahadah, yang telah disaksikan oleh setiap yang menggelarkan diri mereka Muslim dari zaman Adam a.s. sehingga ke Hari Akhirat.

Maka jika kesucian Nabi Muhammad s.a.w. ditambah dengan kemuliaan kedudukannya serta keismahannya masih menyebabkan beliau sendiri bertabarruk dengan benda-benda seperti Hajar Aswad, air zam zam dan sebagainya; yang tentu sekali benda-benda tersebut tidak akan mampu mencapai kedudukan beliau itu sendiri, maka apatah lagi kita. Kita, manusia yang bergelumang dengan dosa dan maksiat, yang tidak terjamin kedudukannya di syurga mahupun di neraka, yang masih akan digementarkan

---

dengan persoalan Hisab dan masih tertipu dengan fitnah dunia ini, tidakkah kita perlu berTabarruk bagi mencapai qurbah kepada Allah s.w.t.?

Tidakkah rasa cinta kita kepada Rasulullah s.a.w. serta para sahabatnya, dan juga terhadap para solehin semuanya akan mendorong kita mengamalkan berTabarruk dengan peninggalan, tempat peribadahan mereka serta diri mereka itu sendiri?

Tidakkah akan timbul penyingkapan sejarah kesucian penghambaan mereka di sisi kita dengan kekuatan amalan barakah kita ini, yang akan dapat menghidupkan kesan merasakan perjuangan para Nabi, Mursalin, syuhada' serta solehin itu?

Tidakkah akhlak kita akan terbentuk dengan kekuatan meyakini ketulusan perjuangan mereka supaya kita terdorong mengikuti contoh yang telah mereka bekalkan bagi kita?

*“Janganlah kamu menyangka bahawa orang-orang yang gugur pada jalan Allah itu mati. Bahkan mereka itu hidup disisi Tuhannya dan mendapat rezeki. Mereka dalam keadaan gembira disebabkan kurniaan Allah yang diberikanNya kepada mereka. Dan mereka bergembira dengan orang-orang yang masih tinggal di belakang yang belum menyusuli mereka dan bahawa tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati”.*

**(Ali Imran : 169-170)**

Jelaslah dari ayat Allah s.w.t. tersebut membuktikan bahawa jalinan hubungan antara kita dan mereka yang telah mendahului dari orang-orang Muslimin dan Mukminin tetap terjalin. Tempat bersemadanya jasad mereka tetap dikunjungi. Dengan berTabarruk serta berziarah kepada mereka, kita akan merasakan kesyukuran, terima kasih dan penghargaan terhadap perjuangan mereka, sekaligus mengingatkan generasi yang ada, bahawasanya iman yang ada di dalam jiwa kita ini merupakan buah dari pengorbanan mereka di dalam mempertahankan keyakinan terhadap agama Allah s.w.t. ini.

Apatah lagi kepentingan mengamalkannya pada masa moden kini, dengan keruntuhan akhlak menjadi leluasa, maka pengamalan tabarruk ini mesti

---

dipergiatkan bagi membibitkan lagi kesedaran dikalangan kita tentang peri pentingnya agama yang kita anuti ini.

## **CERITA- CERITA TENTANG TABARRUK**

### **PERTAMA : KISAH TABUT**

Allah s.w.t menerangkan tentang Tabut dalam Surah Al-Baqarah ayat 248 :

*“Berkata Nabi mereka kepada mereka : “Sesungguhnya tanda kerajaannya ialah datang kepada kamu sebuah peti yang membawa ketenteraman jiwa daripada Tuhanmu dan sebuah peninggalan yang ditinggalkan oleh keluarga Musa dan keluarga Harun, sedang peti itu dibawa oleh malaikat. Sesungguhnya yang demikian itu suatu tanda bagi kamu, jika kamu orang yang beriman”.*

#### ***Keterangan***

Allah s.w.t. telah menurunkan sebuah peti yang bernama Tabut yang menjadi pusaka peninggalan Nabi Musa a.s. yang dijadikan tempat meletak naskah-naskah perjanjian Bani Israil dengan Allah s.w.t.

Pada mulanya, ianya diturunkan kepada Nabi Adam, setelah itu kepada Nabi Syith, kemudian menjadi warisan turun temurun anak cucu Nabi Adam dari golongan para Rasul hingga kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail dan Nabi Yaakub.

Pada masa Nabi Musa, peti itu dibuat untuk menyimpan Kitab Taurat yang berkekalan hingga Nabi Musa wafat. Setelah itu ianya berpindah dari satu tangan ke tangan yang lain dari kaum Bani Israil hingga sampai ke zaman dibangkitkan Nabi Syamwil.

Nabi Syamwil telah membawa berita untuk kaumnya bahawa Allah s.w.t. telah melantik Thalut untuk menjadi raja bagi mereka dan mengkabulkan permintaan Bani Israil yang meminta untuk dilantikkan seorang raja. Nabi Syamwil diberi wahyu bahawa raja itu adalah Thalut. Setelah dimaklumkan kepada mereka tentang Thalut, mereka membantah dan berkata : **‘Adakah patut dia berkuasa atas kami, padahal kami lebih berhak dengan kekuasaan itu daripadanya sedang dia tidak diberi kemampuan dan harta?’**

---

Nabi Syamwil kemudian menerangkan bahawa pemilihan Thalut menjadi raja bukanlah kehendaknya sendiri, namun itulah kehendak Allah s.w.t. Sebabnya ia dipilih Tuhan ialah kerana ada kelebihan dalam hal yang lebih penting daripada keturunan dan kekayaan.

Hal ini semua diterangkan oleh Nabi Syamwil kepada mereka supaya mereka jangan ragu-ragu dan merasa takut. Mendengar nama Tabut itu saja, semangat mereka akan timbul kembali walaupun mereka telah dikalahkan dengan kaum Palestin yang memerangi mereka. Beliau menenangkan mereka dengan menceritakan hal tabut ini yang telah diwarisi sejak zaman Nabi Musa pasti akan mendatangkan ketenteraman dan keselamatan.

Peti tersebut membawa ketenteraman jiwa bagi orang-orang selagi ia berada bersama mereka. Terdapat beberapa pendapat yang mentafsirkan tentang ketenteraman yang dimaksudkan. Hanya yang lebih hampir ialah pendapat yang mengatakan bahawa selagi peti itu bersama mereka di mana sahaja mereka berada akan merasa tenteram.

Ada juga riwayat yang lain yang mengatakan bahawa Tabut yang dimaksudkan berupa peti kayu yang dibuat oleh ibu Musa a.s. sewaktu hendak menyelamatkan Musa pada waktu bayinya dari dibunuh oleh Firaun. Malah Tabut tersebut melayari sungai sehinggakan menginap di istana Firaun sehinggakan isteri Firaun, Asiyah mengambilnya dan menjadikan Musa sebahagian dari keluarga istana.

### **Faedah Tabarruk Dari Kisah Tabut**

Keberatan kaum Nabi Syamwil untuk menerima Thalut sebagai raja memberatkan penerusan risalah Ilahi kepada mereka. Ini didasarkan kepada pengakuan mereka bahawa mereka mempunyai lebih kuasa dan harta dari Thalut. Tetapi Allah s.w.t. telah menguatkan Thalut dengan ilmu dan kekuatan jasmani, malahan perkara itu masih meragukan kaum tersebut. Maka apabila Allah s.w.t. memberikan Thalut tanda kekuasaannya berupa sebuah peti yang dinamakan Tabut.

Maka Tabarruk dengan peti Tabut yang diturunkan kepada Kaum Syamwil itu diperkuatkan dengan adanya sakinah (ketenteraman) bagi mereka dengan perantaraan peti tersebut. Apakah Allah s.w.t. tidak berkuasa untuk menurunkan sakinah langsung kepada mereka? Tidak tentu sekali tidak. Tetapi hikmah besar yang diberikan melalui adanya Tabut itu secara fisikal menguatkan keyakinan mereka.

---

Maka bertabarruk dengan sesuatu yang berupa peti yang suci itu bukan menuju kepada syirik, mempertuhankan sesuatu yang lain daripada Allah s.w.t, tetapi adalah jalan menuju kecintaan kepada Allah s.w.t.

## **KEDUA : KISAH NABI YUSUF A.S.**

Nabi Ya'qub a.s. mempunyai 12 orang anak lelaki. Salah seorang daripadanya bernama Yusuf yang mempunyai perjalanan hidup yang menarik. Yusuf adalah seorang pemuda yang kacak, berbudi pekerti mulia dan berpersonaliti menarik. Nabi Ya'qub mempunyai pengaruh yang besar terhadap Yusuf, anak yang paling disayangi baginda. Saudara-saudara Yusuf yang lain, mula berasa cemburu dan mereka bersatu menentang Yusuf dan merancang untuk menyingkirkannya keluar.

Apabila Nabi Yusuf a.s. meningkat remaja, baginda mendapat mimpi yang istimewa. Baginda bermimpi yang terdapat 11 bintang dan bulan serta matahari melutut di hadapan baginda. Nabi Yusuf a.s. sangat gembira mendapat mimpi yang menakjubkan itu. Jantung baginda berdegup kencang semasa mengkhabarkan mimpi tersebut kepada bapanya. Al-Quran menerangkan peristiwa tersebut dalam ayat berikut:

*“(Ingatlah) ketika Yusuf berkata kepada ayahnya: “Wahai ayahku, sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan; kulihat semuanya sujud kepadaku.” (Yusuf, 12: 4)*

Apabila mendengar mimpi tersebut, Nabi Ya'qub secara membisik menasihati anaknya supaya tidak memberitahu saudara-saudaranya yang lain memandangkan rasa cemburu mereka yang meluap-luap. Baginda memberitahu Yusuf, kemungkinan mereka akan merancang pakatan menentang Yusuf. Nabi Ya'qub a.s. telah mentafsirkan mimpi tersebut bahawa Yusuf akan menjadi seorang yang terkenal. Allah akan mengurniakan kebijaksanaan, nikmat dan penghormatan. Baginda juga akan mendapat kelebihan meramalkan kejadian masa depan. Kesimpulannya, Yusuf akan diangkat sebagai seorang nabi. Saudara-saudaranya yang sebelas lagi (11 bintang), ibu dan bapanya (bulan dan matahari) akan memerlukannya dan akan tunduk terhadap kedudukannya yang mulia.

---

## **Pakatan Menentang Nabi Yusuf A.S.**

Saudara-saudara Yusuf tidak suka baginda seorang sahaja yang disayangi Nabi Ya'qub A.S. Perasaan cemburu membara dalam hati mereka dan mereka mengambil keputusan untuk menghapuskan baginda Nabi Yusuf A.S. Kemudian mereka pun sepakat untuk menyampakkan Nabi Yusuf ke dalam sebuah perigi. Setelah mereka dapat meyakinkan kepada bapa mereka bahawa mereka ingin membawa Yusuf untuk mengembala kambing, mereka pun mengerjakan perbuatan yang terkutuk itu. Mereka telah menyampaikan kepada bapa mereka bahawa Yusuf telah ditelan oleh serigala dan telah menunjukkan baju yang dipenuhi darah sebagai bukti. Baginda menangis siang dan malam dan akhirnya hilang penglihatannya.

Nabi Ya'qub a.s. hidup dalam keadaan yang sangat sedih. Baginda sangat merindui Nabi Yusuf a.s. Baginda yakin dengan Allah yang baginda akan menemui semula anak kesayangan baginda itu. Saudara-saudara Nabi Yusuf a.s. juga semakin meningkat dewasa dan tetap mengingati muslihat yang telah mereka lakukan. Kejadian itu adalah satu perkara yang memalukan. Pada ketika itu, sudah tiba musim kemarau dan kekurangan makanan. Keluarga Nabi Ya'qub a.s. juga mengalami keadaan yang sulit. Mereka mendengar bahawa orang-orang Mesir mempunyai simpanan makanan yang banyak dan menjualnya dengan harga yang berpatutan. Maka anak-anak lelaki Nabi Ya'qub a.s. menyediakan kelengkapan untuk pergi ke Mesir untuk membeli bijiran. Pada waktu itu, Nabi Yusuf telah dilantik oleh raja untuk menjadi pengurus gudang setelah beliau dapat menafsirkan mimpi raja.

Apabila mereka tiba di Mesir, Nabi Yusuf a.s. dengan cepat dapat mengenali saudara-saudara baginda dan jantungnya berdegup kencang. Baginda tidak mengingatkan mereka tentang perbuatan yang telah mereka lakukan dan menyembunyikan identiti sebenar diri Baginda. Baginda melayan dengan baik dan menjualkan makanan kepada mereka dengan harga yang sangat berpatutan. Dari ini baginda dapat tahu bahawa bapanya telah menangis oleh kerana kerinduan terhadapnya sehinggakan kedua belah matanya telah buta. Setelah mendedahkan siapa dia sebenarnya, Yusuf mengirimkan kemejanya kepada bapanya. Al-Quran menerangkan peristiwa tersebut dalam ayat berikut:

### **Surah Yusuf (Ayat 93)**

*"Bawalah kemejaku ini dan kenakanlah ke atas muka bapaku, nanti dia akan datang dengan mata terang, dan bawalah kepadaku keluargamu semua."*

---

Sesungguhnya Nabi Yusuf a.s. mengetahui hal ini sama ada menerusi wahyu daripada Allah s.w.t. ataupun kerana dia tahu bahawasanya penyakit rabun yang dihadapi oleh bapanya tidak lain disebabkan oleh banyaknya ia menangis dan terlalu sedih yang ditahan-tahannya, sehingga merungsingkan fikiran dan menyesakkan dada. Maka apabila baju itu nanti dicampakkan kepadanya dan dia dapat mencium bau Yusuf yang melekat pada baju itu, nescaya dia akan merasakan lega, dan dadanya kembali lapang seolah-olah menjadi ubat dan penawar kepada kesedihannya, dan menjadikan tenaga penglihatannya pulih kembali dan menghilangkan segala selaput yang menutupi biji matanya yang selama ini menghalangnya melihat.

### **Surah Yusuf (Ayat 96)**

*“Maka tatkala telah datang pembawa khabar gembira itu, dikenakannyalah (kemeja itu) kepada mukanya, maka kembalilah dia dapat melihat. Dia berkata: Bukankah sudah aku katakana kepadamu, bahawa sesungguhnya aku lebih tahu dari (petunjuk) Allah, hal yang kamu tidak ketahui.”*

Penyakit rabun yang dihadapi oleh Nabi Yaakub beberapa tahun itu telah hilang sama sekali. Perkara yang demikian tidaklah menghairankan, namun mengikut peraturan perubatan, penyakit mata tidak akan menjadi baik atau sembuh sama sekali kecuali dengan berubat termasuk menjalani pembedahan. Tetapi penyakit yang dihadapi oleh Nabi Yakub lain pula halnya, dia menjadi sembuh setakat sahaja menaruhkan baju Yusuf ke mukanya, adalah suatu mukjizat di luar kesanggupan manusia. Apa yang wajib kita imankan tadi hanya setakat mencium baunya sahaja kemudian sakit matanya menjadi sembuh.

### **Faedah Tabarruk dari Kisah Nabi Yusuf a.s.**

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam kisah Nabi Yusuf, dengan berkat kemejanya itu, telah sembuh penglihatan bapanya yang kabur semenjak kehilangannya. Tidak boleh dinafikan bahawa setiap berkah itu hanya akan termakbul dengan izinnya Allah S.W.T, namun sebagai manusia yang tidak kurang daifnya, berkah itu juga didatangi melalui tempat, manusia ataupun sifat-sifat kebendaan. Dalam perihal ini, kemeja Nabi Yusuf mempunyai berkah, justeru itu, kembali pulihlah bapanya yang telah lama buta.

---

## KISAH-KISAH TABARRUK YANG LAIN

Banyak contoh-contoh yang dapat dilihat dengan pengambilan tabarruk, seperti sahabat-sahabat Nabi Muhammad yang bertabarruk atas jubahnya. Ramai yang telah sembuh daripada penyakit mereka setelah diberi minum air daripada jubah yang telah direndam itu.

Dari kisah Al-Bukhari dan Muslim, ada suatu peristiwa terjadi semasa penghijrahan terakhir Nabi. Nabi membahagi rambut yang telah dicukurnya. Nabi telah melemparkan batu pada jamrat-ul-aqabah, menyembelih seekor kambing biri-biri dan membahagi daging itu di antara orang-orang miskin, kemudian beliau telah mencukur kepalanya. Dia mencukur kepalanya dan memberi rambutnya kepada al-Ansariyy Abu Talhah dan Ummu Sulaym dan memberitahu mereka untuk membahaginya kepada rakyat. Dengan cara ini, rambut Nabi itu disebar di negara Islam. Nabi membahagikan rambutnya itu di kepada mereka hanyalah untuk mereka mencari restu (barakah) daripadanya.

Daripada peristiwa-peristiwa yang telah disebutkan, ada beberapa bukti yang telah di dokumentasikan bahawa Rasullullah s.a.w. sendiri telah mengajar kita bahawa banyak faedahnya di dalam mencari barakah.

### Pertama : Tabarruknya Uthman Bin Hunaif

Marilah kita menyingkap kisah sahabat Nabi, Uthman bin Hunaif r.a. yang memberikan pengajaran tentang tabarruk.

: :  
: :  
:  
.

Dari Uthman bin Hunaif r.a., katanya : Seorang lelaki buta mendatangi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata : 'Pohonkan kepada Allah agar aku diberikanNya kesembuhan.' Rasulullah menjawab : 'Kalau engkau menghendaki aku berdoa, akan ku lakukan. Namun kalau engkau mahu bersabar, maka itu lebih baik.' Orang itu berkata : 'Doakanlah.' Rasulullah



---

kemudian menyuruhnya berwudhu' dengan baik, lalu solat dua raka'at dan berdo'a dengan do'a berikut : *'Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan NabiMu, Muhammad yang penyayang. Wahai Muhammad, aku menghadap kepada Tuhan dengan engkau tentang keperluanku, maka perkenankanlah. Ya Allah, jadikanlah dia penolong bagiku.'*

Al-Baihaqi berkata, dan ditambah oleh Muhammad bin Yunus dalam riwayatnya : 'Orang itu pun bangkit dan pergi dengan mata yang dapat melihat.'

Kata Al-Baihaqi : Kami meriwayatkan di dalam buku **Ad-Da'awat** dengan sanad sahih dari Ruh bin Ubadah r.a. dari Syu'bah r.a., katanya : 'Maka orang itu melakukan hal tersebut dan dia menjadi sembuh.'

Diriwayatkan pula oleh Humad bin Salamah r.a. dengan sanad dari Uthman bin Hunaif r.a. yang pada bahagian akhir mengatakan : *'Wahai Muhammad, aku menghadap denganmu kepada Tuhanku supaya terbuka penglihatanku. Ya Allah, berilah dia pertolongan untukku, dan tolonglah dia untuk diriku.'*

Berkatalah Uthman r.a. : 'Demi Allah, kami belum berpisah dan tidak pula memanjangkan perbincangan ketika orang itu menemui kami dan seakan-akan tidak pernah sakit sama sekali.'

Diterima daripada Uthman bin Hunaif bahawa seorang lelaki berulang kali mendatangi khalifah Uthman untuk mengadu keperluannya, tetapi berulang kali pula tidak dihiraukan oleh Uthman bin Affan. Lelaki tersebut mengadu kepada Uthman bin Hunaif, lalu Uthman bin Hunaif berkata kepadanya : 'Pergilah ke tempat wudhu' dan berwudhu'lah kamu. Kemudian pergilah ke masjid dan sembahyanglah dua raka'at dan berdoalah :

*'Ya Allah, aku memohon dan menghadap kepadaMu dengan Nabi kami, Muhammad s.a.w., Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad, aku menghadap mukaku dengan engkau kepada Tuhan, agar permohonanku diterima' lalu sebutlah keperluanmu.'*

Lalu orang tersebut berlalu pergi dan melakukan apa yang diajarkan oleh Uthman bin Hunaif kepadanya. Setelah itu dia kembali mengetuk pintu Uthman bin Affan. Tidak berapa lama, peniaga pintu datang dan membawanya masuk mengadap Uthman bin Affan. Dia dipersilakan duduk di majlisnya dan ditanya : 'Apa keperluanmu?'

Lelaki tersebut segera mengutarakan keperluannya lalu segera dipenuhi. Selanjutnya khalifah berkata kepadanya : 'Aku tidak ingat apa keperluanmu

---

hingga saat ini. Oleh kerana itu setiap kali engkau memiliki keperluan, utarakanlah kepadaku.'

Lelaki itu keluar dari tempat khalifah dan kembali menemui Uthman bin Hunaif. Katanya : 'Allah membalasmu dengan kebaikan. Dia tidak memerhatikan keperluanku dan tidak pula menghiraukan hingga engkau membicarakan kepadanya tentang diriku.'

Jawab Uthman bin Hunaif : 'Demi Allah, aku tidak mengajak dia berbicara tentang engkau. Namun aku pernah menyaksikan ketika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam didatangi oleh seorang buta yang mengadukan penglihatannya yang hilang.' Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda kepadanya supaya dia bersabar, tetapi dia menjawab : 'Wahai Rasulullah, aku tidak punyai petunjuk, dan itu sangat menyusahkan aku.' Maka Nabi s.a.w menjawab : 'Pergilah ke tempat wudhu' dan berwudhu'lah, lalu lakukanlah sembahyang dua raka'at dan berdo'alah dengan do'a ini..*'Ya Allah, aku memohon dan menghadap kepadaMu dengan Nabi kami, Muhammad s.a.w., Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad, aku menghadap mukaku dengan engkau kepada Tuhan, agar permohonanku diterima'* lalu sebutlah keperluanmu.'

Uthman bin Hunaif menambah : 'Demi Allah, kami belum berpisah dan tidak pula memanjangkan perbincaraan ketika orang itu menjumpai kami dan seakan-akan tidak pernah sakit sama sekali.'

### **Kedua : Tabarruknya Abdullah Bin Umar r.a.**

Diriwayatkan sesungguhnya Abdullah Bin Umar tidak pernah mengingati Rasulullah s.a.w. kecuali beliau akan menangis. Dan beliau sendiri mengikut jejak dan perbuatan Rasulullah s.a.w. dan bertabarruk dengan setiap peninggalan Rasulullah s.a.w. dan bersembahyang di setiap masjid yang pernah didirikan solat oleh Rasulullah s.a.w. dan mengenderai untanya disetiap tempat yang dipijak oleh Rasulullah s.a.w. Beliau tidak pernah meninggalkan haji dan apabila berwuquf di Arafah, maka beliau akan berwuquf di tempat wuqufnya Rasulullah s.a.w.

### **Ketiga : Tabarruknya Imam Malik r.a.**

Telah disebutkan dalam Kitab Al-Muwatta' , Bab Biografi Imam Malik:

"Sesungguhnya Imam Malik r.a. tidak pernah berkenderaan, baik unta atau kuda apabila berada di Madinah walaupun dalam keadaannya yang uzur . Beliau berkata : 'Aku tidak akan berkenderaan pada kota yang bersemadinya jasad Rasulullah s.a.w'".

---

Ini menunjukkan penghormatan dan kecintaan beliau terhadap Rasulullah s.a.w. Di antara kebesaran penghormatan Imam Malik r.a. terhadap Rasulullah s.a.w. seperti yang tertera dalam kitab Al-Muwatta' ialah :

“Sesungguhnya Imam Malik apabila hendak membaca hadis Rasulullah s.a.w. , maka beliau akan berwudhu terlebih dahulunya, duduk atas katilnya, menyikat janggutnya dan bertenang lalu membaca hadis Rasulullah s.a.w. Apabila ditanya tentang demikian, beliau berkata : “Sesungguhnya aku suka memuliakan hadis Rasulullah s.a.w”.

#### **Keempat : Tabarruknya Imam Bukhari r.a.**

Telah disebutkan dalam Biografi Al-Imam Bukhari r.a. sesungguhnya beliau berkata :

“Aku telah mengeluarkan dalam himpunan sahihku sebanyak 600,000 hadis dalam masa enam belas tahun. Dan tidak pernah aku meletakkan satu hadis sekali pun kecuali telah aku mandi dan bersolat dua rakaat. Ini semua aku laksanakan sebagai kebesaran dan penghormatan terhadap Rasulullah s.a.w. dan terhadap hadis-hadisnya yang mulia.”

#### **PENUTUP**

Dengan ini kami mengakhiri pembentangan suatu khazanah Islam yang unggul ini dengan harapan ianya menjadi wasilah bagi mencerminkan segelintir isi kandungan di dalam ilmu yang besar ini. Semoga ianya menjadi alat bagi mendatangkan kefahaman dalam setiap ilmu-ilmu Islam, terutama sekali dalam menghayati hidup bertasawwuf dan bertariqah.

Dengannya kami mengharap agar barakah Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w, juga para ahli barakah dicurahkan kepada kita sekalian agar hidup sebagai seorang Mukmin dan Muslim lebih dihayati dan mendapatkan keredhaan Ilahi yang diharapkan. Amiin Allahumma Amiin.

---

## RUJUKAN

|    |   |
|----|---|
| 1  | <b>Tafsir Al-Qurtubi</b> Oleh Abu Abdullah Muhammad Bin Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi  |
| 2  | <b>Tafsir Ibnu Katheer</b> Oleh Abul Fida' ismail Bin Katheer   |
| 3  | <b>Tafsir Al-Muneer</b> Al-Ustaz Doktor Wahbah Az-Zuhaili   |
| 4  | <b>Al-Hadis As-Sharif</b> (Sahih Al-Bukhari & Sahih Muslim)   |
| 5  | <b>Tafsir Al-Quran</b><br>Oleh Ustaz Ahmad Sondhaji Mohamad   |
| 6  | <b>Tafsir Al-Azhar</b><br>Oleh Prof. Dr. Hamka  |
| 7  | <b>Mafaahim Yajibu An Tusahhah</b><br>Oleh Muhammad Alwi Al-Maliki Al-Makki Al-Hasani   |
| 8  | <b>At-Tabarruk Bis Saalihin Wa Athaarihim</b><br>Oleh Hassan As-Syeikh Al-Fatih As-Syeikh Qaribullah                              |
| 9  | <b>Tabarruk As-Sahabah Bi Athaari Rasulillah Sallallahu Alaihi Wa Sallam</b><br>Oleh As-Syeikh Muhammad Tahir Bin Mahmud Al-Kurdi |
| 10 | <b>Athaarur Rasul Sallallahu Alaihi Wa Sallam</b><br>Oleh An-Nabawi Jabar Siraj   |
| 11 | <b>Hakikat Tawassul Wal Wasilah</b><br>Oleh Musa Muhammad Ali   |
| 12 | <b>Tawassul Tabarruk Ziarah Kubur Karamah Wali Termasuk Ajaran Islam</b><br>Oleh Syaikh Ja'far Subhani                            |
| 13 | <b>Kitab Adab Berjalan Jauh - Ihya Ulumiddin</b><br>Oleh Imam Abu Hamid Al-Ghazali  |
| 14 | <b>40 Masalah Agama</b><br>Oleh K.H. Siradjudin Abbas   |
| 15 | <b>Risalah Tentang Beberapa Soal Khilafiyah</b><br>Oleh H.M.H. Al Hamid Husaini   |
| 16 | <b>Liku-Liku Bid'ah</b><br>Oleh H.M.H. Al Hamid Husaini   |
| 17 | <b>Kunci Memasuki Dunia Tasawuf</b><br>Oleh Amatullah Armstrong   |
| 18 | <b>Muhammad Messenger Of Allah - Ash-Shifa</b><br>Oleh Qadhi 'iyad ibn Musa Al-Yahsubi  |
| 19 | <b>The Kashful Mahjub</b><br>Oleh Syed Ali bin Uthman Al-Hujweri  |

